

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 18 APRIL 2014 (JUMAAT)

Bil	Tajuk	Akhbar
1	Tulang sintetik tempatan diiktiraf akreditasi antarabangsa	Harian Metro
2	Hasil Produk	Sinar Harian Online

KERATAN AKHBAR
HARIAN METRO (SETEMPAT): MUKA SURAT 58
TARIKH: 18 APRIL 2014 (JUMAAT)

Tulang sintetik tempatan diiktiraf akreditasi antarabangsa

Shah Alam: Produk tulang sintetik GranuMas yang dibangunkan penyelidik tempatan, kini mendapat pengiktirafan akreditasi antarabangsa sekali gus membolehkan produk berkenaan menembusi pasaran Asia dan Eropah.

Tulang sintetik yang diperbuat daripada batu kapur itu kini mendapat permintaan yang begitu menggalakkan dalam bidang perubatan bagi memenuhi permintaan tulang tiruan yang semakin meningkat.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Dr Ewon Ebin berkata, kebolehpayaan produk tempatan menembusi pasaran antarabangsa membuktikan ia sebanding dengan produk yang dibangunkan negara maju terutamanya dalam bidang perubatan.



DR Ewon

Beliau berkata, kerajaan juga memandang serius dan meningkat usaha untuk membantu syarikat tempatan bagi mengkomersialkan produk keluaran mereka untuk menembusi pasaran bidang perubatan di negara Asia dan Eropah dalam tempoh terdekat.

AKHBAR ONLINE
SINAR HARIAN (<http://www.sinarharian.com.my/>)
TARIKH : 18 APRIL 2014 (JUMAAT)



Hasil Produk

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr Ewon Ebin (kanan) mendengar penerangan dari Penyelidik Sirim Berhad Dr Fazilah Fazan (kiri) mengenai produk yang dihasilkan ketika lawatan kerja beliau ke Granulab (M) Sdn Bhd di Shah Alam hari ini. - Foto Bernama